

Menyuarakan pandangan tentang penyakit psoriatik di Asia

Memperkuat suara
penghidap penyakit
psoriatik di Asia

BUKU TAKLIMAT **Julai 2023**

Buku taklimat ini disasarkan untuk menggalakkan tindakan serantau dan kerjasama bagi meningkatkan kehidupan penghidap penyakit psoriatik di Asia.





Dalam dokumen taklimat ini, "Asia" merujuk kepada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) rantau Asia Tenggara dan Pasifik Barat. WHO rantau Asia Tenggara terdiri daripada 11 Negara Anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan mewakili lebih daripada 25% populasi global. Sementara itu, WHO rantau Pasifik Barat merangkumi 37 Negara Anggota dan menempatkan kira-kira 1.9 bilion individu.

Kandungan

Menyuarakan pandangan dengan satu suara.....	3
Apakah itu penyakit psoriatik?	5
Beban penyakit psoriatik di Asia.....	6
Bidang keutamaan untuk tindakan.....	9
Akses kepada penjagaan.....	9
Penyakit psoriatik dan komorbiditi	12
Penyakit psoriatik dan kesihatan mental	14
Kesan sosial dan kekeluargaan bagi penyakit psoriatik.....	16
Penyumbang.....	18
IFPA – visi kami	18
Rujukan	19

IFPA FORUM

IFPA Forum menyediakan platform bagi pihak berkepentingan dalam komuniti penyakit psoriatik untuk bekerjasama, berkongsi pengetahuan dan menangani cabaran yang dihadapi oleh penghidap penyakit psoriatik. Dengan memupuk dialog, kami berusaha untuk memacu dasar dan meningkatkan kesedaran, serta menjangkau khalayak yang lebih luas untuk meningkatkan kesejahteraan mereka yang terjejas oleh penyakit psoriatik.

Baru-baru ini, IFPA telah mengembangkan usaha dengan menganjurkan forum serantau, IFPA Forum Asia menjadi forum kedua dilangsungkan. Forum serantau ini memberikan peluang kepada pihak berkepentingan di rantau tertentu untuk berkumpul dan membincangkan cabaran unik yang dihadapi oleh penghidap penyakit psoriatik di kawasan tersebut. Pada tahun 2022, forum serantau telah diadakan di Eropah, yang mengumpulkan pakar dan penyokong dari rantau ini untuk bekerjasama dan menangani cabaran yang dihadapi oleh penghidap penyakit psoriatik di Eropah.



KETAHUI LEBIH LANJUT tentang IFPA Forum dan hasil daripada IFPA Forum Eropah 2022

IFPA telah memudahkan pembangunan buku taklimat ini.

Menyuarakan pandangan dengan satu suara

IFPA Forum di Asia 2023 mewakili peluang unik bagi komuniti penyakit psoriatik untuk berkumpul dan bersuara dengan satu suara tentang cabaran yang dihadapi di rantau ini. Acara ini melambangkan lembaran baharu dalam usaha kolektif kami untuk mendapatkan pemahaman, sokongan dan penjagaan yang lebih baik bagi penghidap penyakit psoriatik. Dengan menyatukan usaha kami dan menangani cabaran unik yang dihadapi di Asia, kami boleh memupuk harapan dan mencetuskan perubahan yang berkekalan bagi ramai orang.

IFPA Forum Serantau adalah penting untuk meningkatkan perbualan tentang penyakit psoriatik secara global dan, khususnya, di rantau Asia-Pasifik. Melalui dialog ini, kita boleh menjangkau lebih ramai orang, memacu dasar dan mengambil lebih banyak tindakan untuk meningkatkan kesejahteraan penghidap penyakit psoriatik. Dengan menyuarakan pandangan dengan satu suara, kami boleh menyokong perubahan dan memastikan keperluan penghidap penyakit psoriatik di Asia diberikan keutamaan.


Buku taklimat ini mengetengahkan beberapa isu utama yang perlu ditangani untuk memperbaiki kehidupan penghidap penyakit psoriatik di Asia. Memastikan akses kepada penjagaan, menangani dan mengurus komorbiditi, mengutamakan penjagaan kesihatan mental, serta memerangi kesan sosial dan kekeluargaan bagi penyakit ini merupakan antara keutamaan kami. Kita perlu berusaha ke arah diagnosis awal, pilihan rawatan komprehensif, penjagaan berpusat pesakit dan sokongan kesihatan mental untuk membantu mereka yang terjejas menjalani kehidupan yang memuaskan.

Dengan meningkatkan kesedaran dan pendidikan tentang penyakit psoriatik, kita boleh memerangi diskriminasi, stigma, kecaman dan pembuluan yang sering memberikan kesan kepada penghidap penyakit ini. Perkara ini hanya boleh dicapai dengan bekerjasama pihak berkepentingan dari seluruh rantau dan menyuarakan pandangan dengan satu suara.

Kami yakin bahawa dengan bekerjasama, menyuarakan pandangan dan menyokong perubahan, kita boleh **memjamin kehidupan yang lebih baik untuk penghidap penyakit psoriatik di Asia.**



Frida Dunger Johnsson
Pengarah Eksekutif, IFPA







Josef de Guzman
Bendahari, IFPA
Pengasas dan Pengerusi Lembaga,
Psoriasis Philippines (PsorPhilippines),
serta Pengasas, Psoriasis Asia
(PsorAsia) Pacific



Tema utama

Buku taklimat ini memberikan tumpuan kepada empat tema utama yang menjadi titik tengah perbincangan di IFPA Forum Asia. Tema ini telah dikenal pasti melalui perundingan dengan persatuan pesakit penyakit psoriatik kebangsaan sebagai bidang keutamaan untuk tindakan.

TEMA INI IALAH:

-  **Akses kepada penjagaan**
-  **Komorbiditi bagi penyakit psoriatik**
-  **Kesihatan mental**
-  **Kesan sosial dan kekeluargaan bagi penyakit psoriatik**

Dengan memberikan keutamaan kepada bidang ini, kami boleh berusaha untuk menangani keperluan yang tidak dipenuhi bagi penghidap penyakit psoriatik di Asia dan, akhirnya, ke arah meningkatkan kehidupan mereka yang terjejas oleh penyakit psoriatik.

Tahun 2023 ialah tahun perlindungan kesihatan sejagat

Semua orang, di mana-mana sahaja harus mempunyai akses kepada penjagaan berkualiti dan berpusatkan pesakit

Perlindungan kesihatan sejagat (UHC) adalah penting untuk memastikan akses kepada perkhidmatan dan rawatan penjagaan kesihatan yang berkualiti bagi penghidap penyakit psoriatik.¹ UHC menasarkankan untuk memastikan semua individu dan komuniti mendapat akses kepada perkhidmatan kesihatan berkualiti tanpa mengalami kesusahan kewangan. Dengan meluaskan liputan bagi perkhidmatan kesihatan penting, termasuk perkhidmatan yang berkaitan dengan pencegahan, diagnosis dan rawatan penyakit psoriatik, UHC boleh membantu dalam mengurangkan halangan kewangan untuk menjaga dan memastikan bahawa penghidap penyakit psoriatik menerima sokongan yang mereka perlukan untuk mengurus keadaan mereka dengan berkesan.¹

Memperkuhkan sistem kesihatan: melabur dalam infrastruktur penjagaan kesihatan, melatih pekerja penjagaan kesihatan serta membangunkan dasar dan garis panduan

Untuk mencapai UHC menjelang tahun 2030 (Sasaran Matlamat Pembangunan Mampan 3.8) memerlukan sistem kesihatan yang kukuh. UHC boleh membantu dalam mengukuhkan sistem kesihatan dan meningkatkan akses kepada penjagaan khusus bagi penyakit psoriatik. Dengan melabur dalam infrastruktur penjagaan kesihatan, melatih pekerja penjagaan kesihatan, serta membangunkan dasar dan garis panduan untuk mengurus keadaan kronik seperti penyakit psoriatik, UHC boleh membantu dalam memastikan bahawa penghidap penyakit psoriatik menerima penjagaan yang komprehensif dan terkoordinasi yang menangani semua aspek keperluan kesihatan mereka.

Sokongan rawatan asas yang berkesan dalam pengurusan penyakit psoriatik

Rawatan asas sering dikatakan sebagai asas kepada UHC. Penyakit psoriatik memerlukan pendekatan komprehensif yang merangkumi disiplin penjagaan kesihatan yang berbeza dan pautan kepada sokongan sosial untuk menangani simptom kulit dan sendi serta komorbiditi yang berkaitan. Pendekatan holistik ini, yang diselaraskan pada peringkat rawatan asas, boleh menjadi model penanda aras untuk mengurus penyakit kronik lain yang juga menyebabkan perlu menangani pelbagai aspek kesihatan seseorang.

3 GOOD HEALTH AND WELL BEING



KETAHUI LEBIH LANJUT tentang penyakit psoriatik dan perlindungan kesihatan sejagat. Akses alatan dan sumber IFPA di sini.

HARI PSORIASIS SEDUNIA 2023

Hari Psoriasis Sedunia pada 29 Oktober memberikan peluang untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan UHC bagi penghidap penyakit psoriatik. Hari Psoriasis Sedunia ini menawarkan platform untuk menyokong perubahan dasar yang menggalakkan akses yang lebih meluas kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berkualiti, ekuiti kesihatan dan rawatan untuk komuniti ini, bagi memastikan hasil kesihatan yang lebih baik untuk semua orang.²

Apakah itu penyakit psoriatik?

Bagi individu yang menghidap penyakit psoriatik, yang merangkumi psoriasis dan artritis psoriatik, sistem imun dicetuskan dan diaktifkan.³ Sistem imun yang terlalu aktif ini boleh menyebabkan keradangan pada bahagian lain dalam badan, termasuk organ, yang mungkin tidak boleh dilihat dan boleh menyebabkan masalah kesihatan yang lain. Penyakit psoriatik dikaitkan dengan beberapa penyakit yang memudaratkan kesihatan berkaitan, juga dikenali sebagai komorbiditi.^{4,5}

Penyakit yang boleh dilihat dan tidak boleh dilihat

Penyakit psoriatik boleh menyebabkan simptom fizikal yang teruk, tidak selesa dan boleh dilihat dengan ketara pada kulit, seperti gatal-gatal, sakit dan lesi.⁴ Simptom sendi penyakit psoriatik biasanya berlaku beberapa tahun selepas simptom kulit timbul dan boleh menyakitkan dan mengehadkan pergerakan.⁵



Psoriasis – menjejaskan kulit dan mungkin boleh dilihat dengan ketara, kelihatan seperti tompok kulit yang menebal, merah atau gelap yang dilitupi oleh sisik atau kerak keperak-perakan. Ini boleh berlaku pada pelbagai bahagian badan, termasuk kulit kepala, siku, lutut dan belakang. Terdapat pelbagai subjenis psoriasis, termasuk psoriasis plak (jenis psoriasis yang paling biasa),

psoriasis guta, psoriasis songsang, psoriasis pustular, psoriasis eritrodermik dan bentuk yang lebih jarang, seperti psoriasis pustular menyeluruh.



Artritis psoriatik – ialah sejenis artritis keradangan yang boleh menyebabkan sakit sendi dan kekakuan serta kerosakan pada sendi dan tisu sekeliling. Anggaran global menunjukkan bahawa artritis psoriatik menjejaskan satu pertiga daripada penghidap psoriasis walaupun, mengikut kadar, lebih sedikit orang Asia yang menghidap penyakit ini.⁶⁻¹⁰ Keletihan kronik atau sakit sendi yang berkaitan dengan artritis psoriatik mungkin tidak boleh dilihat; bagaimanapun, boleh menyebabkan cacat rupa dan lemah kurus dari semasa ke semasa.

Penyakit yang memerlukan pengurusan berterusan

Penyakit psoriatik ialah penyakit tidak berjangkit yang serius, serta memusnahkan kehidupan yang ditemui di seluruh dunia.¹¹ Penyakit ini merupakan gangguan keradangan sistemik perantara imun kronik yang menjejaskan kulit, sendi dan kadangkala, organ lain. Oleh kerana penyakit ini tiada penawar, pilihan rawatan terdiri daripada kawalan simptom, pencegahan serangan dan kerosakan sendi, serta pengurangan penyakit.



“Masalah kulit kepala, kelemumur dan ruam adalah sangat biasa, jadi mengapa masalah ini tidak dibincangkan secara terbuka?”

*Saya berasa sedih apabila mengetahui bahawa ramai orang enggan menggunting rambut kerana psoriasis kulit kepala mereka. Saya biasanya mengambil inisiatif untuk membuat penerangan dan mendidik pandangan rambut tentang keadaan saya. **Sebaik sahaja mereka faham, mereka akan okey.**”*

Rocyie Wong
Malaysia

Apakah punca penyakit psoriatik?

Punca penyakit psoriatik tidak diketahui, tetapi penyelidik percaya bahawa faktor genetik dan persekitaran memainkan peranan dalam perkembangan penyakit ini.¹² Pencetus biasa untuk permulaan awal penyakit dan serangan berikutnya termasuk tekanan, trauma kulit (luka, calar atau tatu), kulit kering, ubat-ubatan tertentu, iklim, pengambilan alkohol, merokok dan jangkitan.

~ 10.7 juta orang dianggarkan menghidap penyakit psoriatik di Asia.¹⁴

Di Asia, prevalens penyakit psoriatik mungkin dianggarkan kurang kerana pelaporan yang kurang dan salah diagnosis.¹³

Beban penyakit psoriatik di Asia

Anggaran prevalens penyakit psoriatik memberitahu pembuat keputusan penjagaan kesihatan tentang skala beban dan memberikan data yang boleh membantu untuk mengenal pasti keutamaan kesihatan dan memaklumkan dasar. Prevalens penyakit psoriatik berbeza mengikut rantau, dengan kadar yang lebih tinggi dilaporkan di negara maju.

Di Asia, prevalens penyakit psoriatik dianggarkan antara 0.1% hingga 0.5%, walaupun nilai ini mungkin dianggarkan kurang kerana pelaporan yang kurang dan salah diagnosis.¹³



Global Psoriasis Atlas

Memetakan beban – kerja sedang dijalankan

Kajian tentang prevalens dan kejadian psoriasis meningkatkan pemahaman kita tentang beban penyakit, membantu peruntukan sumber penjagaan kesihatan.¹³ Walau bagaimanapun, untuk mendapatkan anggaran berasaskan populasi serantau yang boleh dipercayai, khusus negara dan setanding adalah mencabar.

Global Psoriasis Atlas (GPA) menyasarkan untuk memperdalam pemahaman kita tentang psoriasis, namun data ini tidak merangkumi bentuk lain, seperti artritis psoriatik, menjadikan jumlah beban penyakit psoriatik sukar untuk dianggarkan. Walaupun usaha berterusan untuk mengembangkan pengetahuan kita, lebih banyak usaha diperlukan untuk memahami sepenuhnya kesan penyakit kepada mereka yang terjejas.



KETAHUI LEBIH LANJUT tentang usaha GPA dan prevalens psoriasis

Prevalens dan anggaran bilangan orang yang menghidap psoriasis diperoleh daripada GPA. Penting untuk diketahui bahawa bilangan ini mungkin berbeza daripada sumber lain, memandangkan ia bertujuan untuk memberikan pemahaman yang meluas tentang beban psoriasis dan menekankan keperluan pengumpulan data lanjutan.

Anggaran prevalens dan bilangan orang yang menghidap psoriasis di seluruh rantau Asia-Pasifik Data daripada Global Psoriasis Atlas^{14*}

NEGARA, RANTAU ATAU WILAYAH	BILANGAN ORANG	HAD KESELURUHAN BAWAH & ATAS PREVALENS %**
Australia	460,860	0.59–6.1
Bangladesh	466,670	0.09–0.97
Brunei	2,570	0.16–1.91
Bhutan	2,280	0.09–0.97
Cambodia	48,350	0.06–1.65
China	2,360,000	0.07–0.42
Fiji	2,460	0.06–1.04
India	3,590,000	0.08–0.92
Indonesia	797,380	0.06–1.65
Jepun	690,230	0.14–1.94
Laos	20,720	0.06–1.65
Malaysia	95,520	0.06–1.65
Mongolia	20,840	0.22–2.18
Myanmar	161,200	0.06–0.165
Nepal	80,920	0.07–0.98
New Zealand	85,020	0.5–5.73
Korea Utara	28,180	0.04–0.3
Pakistan	558,340	0.09–0.97
Papua New Guinea	22,440	0.06–1.04
Filipina	316,900	0.06–1.65
Kepulauan Solomon	1,660	0.06–1.04
Korea Selatan	281,770	0.17–noI
Sri Lanka	66,680	0.06–1.68
Taiwan	12,800	0.02–0.16
Thailand	208,530	0.06–1.65
Timor-Leste	3,910	0.06–1.65
Vanuatu	750	0.06–1.04
Vietnam	288,580	0.06–1.65

* GPA pada masa ini tidak termasuk data untuk beberapa negara dan kawasan yang disenaraikan dalam rantau WHO SEAR dan WPR. Ini termasuk Kepulauan Cook, Hong Kong SAR (China), Kiribati, Macao SAR (China), Maldives, Kepulauan Marshall, Micronesia, Nauru, Niue, Palau, Samoa, Singapura, Tokelau (New Zealand), Tonga, Tuvalu serta Wallis dan Futuna (Perancis).
** Had bawah dan atas (%) data prevalens termasuk anggaran untuk orang dewasa dan kanak-kanak. Layari laman web GPA untuk mengetahui lebih lanjut tentang cara prevalens dikira.

Beban yang tinggi dan semakin meningkat

Beban penyakit psoriatik dianggap sebagai ketara, memandangkan begitu ramai orang yang terjejas dan prevalens dalam kalangan orang dewasa nampaknya semakin meningkat.^{15,16} Peningkatan dalam keadaan tersembunyi yang berkaitan dengan kesihatan, seperti obesiti dalam populasi Asia tertentu, meletakkan orang ramai pada risiko lebih tinggi untuk penyakit psoriatik, meningkatkan kadar prevalens.^{15,16} Pemacu lain termasuk lebih ramai individu yang mendapatkan rawatan selepas COVID-19, apabila sekatan pergerakan menghalang ramai orang yang menghidap penyakit kronik daripada mengakses perkhidmatan penjagaan kesihatan rutin.¹⁶ Di China, salah sebuah negara yang paling ramai penduduk, menganggarkan beban psoriasis yang menyatakan bahawa seramai 7.65 juta orang mungkin terjejas.¹⁷ Pakar juga mengatakan kadar kejadian (kes baharu setiap tahun) secara progresif memberikan kesan kepada golongan muda. Perkara ini boleh dikaitkan dengan pelbagai faktor, seperti kebolehubahan iklim, ketulenan udara, pemakanan, tekanan psikologi dan punca persekitaran yang lain.

Kesan individu

Penyakit psoriatik boleh menjejaskan kesejahteraan fizikal, mental dan emosi, kualiti hidup dan perhubungan keseluruhan seseorang. Di sesetengah negara Asia, norma budaya dan diskriminasi masyarakat mungkin memburukkan lagi kesan psikososial penyakit.¹⁸ Penyakit ini juga boleh menjadi beban kewangan yang besar bagi penghidap penyakit tersebut dan keluarga mereka disebabkan oleh bil perubatan, hari cuti bekerja kerana janji temu doktor atau sakit serta masa yang dihabiskan sebagai penjaga. Di Korea, sebagai contoh, individu yang mengalami psoriasis teruk bergelut untuk membayar kos rawatan yang tinggi, dan akibatnya menghentikan rawatan merupakan perkara yang biasa.¹⁹

Kesan ekonomi dan masyarakat

Kos penjagaan kesihatan yang lebih tinggi dan kerugian produktiviti menyumbang kepada beban ekonomi masyarakat.²⁰ Di Asia, beban ekonomi tidak didokumenkan dengan baik. Walau bagaimanapun, anggaran dari Australia dan Jepun menunjukkan bahawa negara-negara ini masing-masing membelanjakan kira-kira 0.17% dan 0.44% daripada keluaran dalam negara kasar (KDNK) mereka untuk merawat psoriasis.^{21–23} Perbelanjaan kesihatan untuk penjagaan penyakit psoriatik menggambarkan pelaburan Negara dalam kesejahteraan penghidap penyakit tersebut.

Pengesanan lebih awal dan pengurusan yang lebih baik boleh mengurangkan beban

Kesan penyakit psoriatik boleh dikurangkan dengan diagnosis tepat pada masanya, rawatan yang betul dan pengurusan berterusan. Walau bagaimanapun, akses terhadap penjagaan kesihatan dan rawatan merumitkan beban penyakit psoriatik di Asia. Pakar dermatologi dan pakar reumatologi, yang memainkan peranan penting dalam mengurus penyakit ini, kekurangan bekalan di banyak negara, menyebabkan diagnosis yang lewat atau tidak betul serta pengurusan penyakit yang tidak optimum.²⁵ Selain itu, penghidap penyakit ini telah mengalami masalah kekurangan pilihan rawatan kerana pemahaman yang lemah tentang penyakit ini, walaupun terdapat kemajuan dalam bidang ini baru-baru ini.²⁶ Untuk mengurangkan beban penyakit yang tinggi, kita perlu mengutamakan penyakit psoriatik dan meningkatkan akses kepada penjagaan kesihatan dan rawatan. Meningkatkan kesedaran tentang penyakit dalam kalangan penyedia penjagaan kesihatan dan orang awam adalah penting untuk memperbaiki diagnosis dan pengurusan penyakit.¹⁸

Kajian dari rantau ini melaporkan bahawa sekurang-kurangnya satu daripada 10 orang penghidap psoriasis di Asia mengalami artritis psoriatik.^{7–10} Untuk meletakkan perkara ini dalam perspektif, di China, setengah juta orang berkemungkinan menghidap artritis psoriatik (berdasarkan prevalens artritis psoriatik yang dilaporkan sebanyak 0.01–0.1%).^{5,27}

Beban global psoriasis

Psoriasis menjejaskan kira-kira 60 juta orang.¹⁸ Data Global Psoriasis Atlas (GPA) menunjukkan bahawa prevalens berbeza-beza, daripada kurang daripada 0.1% di beberapa negara Afrika kepada lebih daripada 4% di sesetengah negara Eropah.¹⁴ Pada peringkat global, psoriasis menyebabkan beban ekonomi yang tinggi dari segi kos langsung dan tidak langsung, setanding dengan kos yang berkaitan dengan penyakit serius lain, seperti, kanser pankreas, melanoma, kanser prostat dan asma²⁴



Kemajuan tentang cadangan daripada Laporan Global WHO tentang Psoriasis

Pada tahun 2016, Pertubuhan Kesihatan Sedunia mengeluarkan Laporan Global WHO mengenai Psoriasis dengan cadangan boleh diambil tindakan. Untuk memantau pencapaian negara dalam melaksanakan cadangan daripada laporan WHO, IFPA mengemukakan laporan Indeks Rantau Pasifik Barat.

Laporan Indeks ini menyemak kemajuan merentas lima negara, iaitu Australia, China, Jepun, Filipina dan Singapura, menggunakan sistem pemarkahan Indeks.²⁸

DISKRIMINASI DAN STIGMATISASI YANG DIRASAKAN



3 daripada 4 warga Australia menghidap penyakit psoriatik dilaporkan menyembunyikan penyakit mereka daripada rakan sekerja, rakan dan juga ahli keluarga.²⁹

30%

30% orang yang disoal selidik di Filipina mengalami stigmatisasi di tempat kerja dan kawasan umum.

KETERSEDIAAN GARIS PANDUAN RAWATAN



Australia, China, Jepun dan Singapura baru-baru ini telah mengemas kini garis panduan mereka tentang psoriasis atau artritis psoriatik. Di **Filipina**, tiada garis panduan rawatan dikarang secara tempatan.

PENYIASATAN KESEJAHTERAAN BERPUSATKAN PESAKIT



Profesional penjagaan kesihatan di kelima-lima negara mengesahkan bahawa mereka memeriksa kesihatan fizikal pesakit mereka yang menghidap penyakit psoriatik, tetapi **kesihatan mental tidak selalu disusuli secara konsisten.**

DATA PERBELANJAAN PENJAGAAN KESIHATAN



Data perbelanjaan penjagaan kesihatan telah **dihadkan untuk negara** selain daripada Australia dan Jepun.

Lima kategori dan 10 penunjuk

Kesedaran awam

- Kewujudan kempen kesedaran awam
- Diskriminasi dan stigmatisasi yang dirasakan

Kesedaran penyedia

- Latihan untuk pengamal am
- Ketersediaan garis panduan rawatan

Penglibatan pesakit

- Alat atau sokongan bagi pematuhan ubat
- Penyiasatan kesejahteraan berpusatkan pesakit

Sistem kesihatan

- Masa untuk diagnosis
- Akses kepada ubat-ubatan
- Akses kepada penjagaan pakar

Persekitaran yang mendayakan

- Kos langsung dan tidak langsung untuk pesakit dan sistem

Bidang keutamaan untuk tindakan

Untuk memperbaiki keadaan bagi penghidap penyakit psoriatik di Asia, keutamaan utama di seluruh rantau ini termasuk memastikan akses kepada penjagaan, mengurus komorbiditi, mengutamakan penjagaan kesihatan mental serta menangani kesan sosial dan kekeluargaan penyakit itu. Untuk mencapai matlamat ini, kita mesti menumpukan kepada diagnosis awal, pilihan rawatan komprehensif, penjagaan berpusatkan pesakit dan sokongan kesihatan mental, yang semuanya penting dalam membantu individu yang terjejas menjalani kehidupan yang memuaskan.

Akses kepada penjagaan

Penyakit psoriasis mungkin belum dapat disembuhkan lagi, namun penyakit ini boleh dikawal dengan rawatan standard dan, dalam sebilangan kecil kes, pengulangan boleh dilakukan dengan rawatan yang berkesan.³⁰ Walaupun dengan peningkatan dalam rawatan, penjagaan kronik dan sepanjang hayat diperlukan.³⁰ Penghidap penyakit psoriatik harus mempunyai akses kepada penjagaan perubatan profesional yang komprehensif dan dengan harga berpatutan. Walau bagaimanapun, pelbagai halangan mungkin menghalang akses kepada penjagaan pada semua peringkat penjagaan kesihatan. Ini terdiri daripada faktor sistem kesihatan, seperti kekurangan tenaga kerja dan pengetahuan yang tidak mencukupi, kepada bekalan, akses kepada pembayaran balik ubat-ubatan yang menjejaskan kemampuan dan ketidaksamaan kesihatan.

CABARAN UTAMA

Kelewatan diagnosis atau salah diagnosis

Pengesanan awal penyakit psoriatik meningkatkan keberkesanan rawatan, tetapi kelewatan diagnosis ialah perkara biasa di Asia dan global.^{31–33} Kelewatan dalam diagnosis dan rawatan sangat memberikan kesan kepada perkembangan dan keterukan penyakit, akhirnya memburukkan hasil jangka masa panjang dan menyebabkan penurunan kualiti hidup.^{31–34} Kelewatan sering dikaitkan dengan kesedaran yang lemah dalam kalangan orang awam dan profesional penjagaan kesihatan, dengan kelewatan rawatan hingga lima tahun dilaporkan dalam rawatan asas.^{31,35–38} Di sesetengah negara Asia, faktor budaya, seperti stigma berkenaan keadaan kulit dan konsep psoriasis oleh orang yang terjejas atau ahli keluarga bahawa penyakit itu tidak boleh diubati atau mengancam nyawa, mencabar lagi peningkatan kesedaran, mendapatkan rujukan dan akses kepada penjagaan.^{18,38}

Akses yang tidak saksama atau terhad kepada penjagaan kesihatan

Keterbatasan geografi, kemiskinan dan insurans boleh menjadi halangan utama dalam mengakses penjagaan bagi penghidap penyakit psoriatik di Asia.³⁹ Selain itu, sistem penjagaan kesihatan mungkin kekurangan sumber, menyebabkan masa menunggu yang lama, ketersediaan pakar yang terhad dan penjagaan susulan yang tidak mencukupi.³⁸ Kebolehcapaian pakar dermatologi juga membimbangkan, dengan kelewatan diagnostik dan salah diagnosis akibat pengetahuan yang tidak mencukupi dalam kalangan pakar reumatologi dan kekurangan pakar yang mengekang akses kepada penjagaan khusus.^{38,40}



Akses kepada permintaan keutamaan penjagaan

Meningkatkan kesedaran tentang penyakit psoriatik dalam kalangan profesional penjagaan kesihatan, terutamanya pekerja kesihatan barisan hadapan rawatan asas.

Membangunkan garis panduan dan protokol untuk mendiagnosis dan mengurus penyakit psoriatik, termasuk cadangan untuk diagnosis awal, pemeriksaan rutin dan rawatan yang sesuai, mencukupi dan tepat pada masanya.

Mengatasi cabaran sistem penjagaan kesihatan yang menghalang akses saksama kepada rawatan dan penjagaan.

Meningkatkan akses kepada terapi biologi dan rawatan lanjutan lain untuk penyakit psoriatik, termasuk mengurangkan halangan kepada pembayaran balik dan meningkatkan ketersediaan terapi ini di Asia.

43% daripada penghidap

penyakit psoriatik yang disoal selidik di rantau ini (Australia, Jepun, Korea Selatan dan Taiwan) mengatakan bahawa kemampuan memacu pilihan rawatan mereka.⁴¹

Biologi

Meningkatkan akses kepada rawatan biologi bagi penyakit psoriatik di Asia adalah penting untuk meningkatkan hasil kesihatan dan mengurangkan beban penyakit psoriatik.

Rawatan biologi bagi psoriasis atau artritis psoriatik boleh menjadi transformatif untuk penghidap penyakit psoriatik.⁴³ Dengan menyasarkan bahagian sistem imun yang terlalu aktif, rawatan biologi berbeza daripada rawatan sistemik yang menjejaskan keseluruhan sistem imun. Rawatan biologi mungkin mempunyai risiko kerosakan organ yang lebih rendah berbanding dengan jenis rawatan sistemik yang lain. Walaupun penggunaan biologi telah meningkat, akses masih terhad di kebanyakan rantau Asia disebabkan kos yang tinggi, ketersediaan yang terhad dan sekatan yang dibuat oleh program insurans dan kerajaan. Penghidap penyakit psoriatik di Korea Selatan, Taiwan, Australia dan Jepun mesti selalu menjalani terapi konvensional sebelum layak untuk pembayaran balik rawatan biologi.^{41,44-47} Walau bagaimanapun, penyelidikan Jepun baru-baru ini mencadangkan bahawa memulakan terapi atau biologi yang lebih baharu mungkin mengurangkan kos hospital dan penginapan.⁴⁸

Akses dan ketersediaan yang terhad serta kos rawatan yang tinggi

Halangan kawal selia, kesedaran penyedia dan ketersediaan rawatan menghalang rawatan penyakit psoriatik yang berkesan di beberapa bahagian di Asia. WHO mengetengahkan cabaran dalam akses dengan harga yang berpatutan kepada penjagaan kesihatan dan ubat-ubatan untuk penyakit kronik di rantau Asia-Pasifik.³⁹ Pesakit mungkin kekurangan akses kepada rawatan asas atau berdepan dengan kos yang tinggi, terutamanya untuk rawatan yang lebih baharu, menyebabkan pilihan berdasarkan kemampuan dan membawa kepada risiko tinggi bagi rawatan kurang dan beban pesakit boleh elak.⁴¹ Rawatan yang lebih baharu tersedia tetapi, atas sebab ekonomi, sesetengah negara tidak dapat mengutamakan akses kepada ubat-ubatan ini.

Stigma dan diskriminasi

Stigma dan diskriminasi terhadap penghidap penyakit psoriatik boleh menghalang penjagaan. Lesi kulit yang boleh dilihat boleh menyebabkan diskriminasi dalam persekitaran sosial, tempat kerja dan juga penjagaan kesihatan, menjejaskan kesihatan mental dan menghalang pesakit daripada mendapatkan rawatan. Satu kajian mendapati bahawa pesakit warga China yang menghidap penyakit psoriatik menghadapi stigma dan tekanan psikologi yang ketara, menghadapi sikap negatif daripada keluarga, rakan dan penyedia penjagaan kesihatan.⁴²

Filipina membuat langkah dasar inovatif untuk memastikan akses yang saksama kepada rawatan: rang undang-undang psoriasis Filipina diluluskan

Jawatankuasa Kesihatan Filipina telah meluluskan rang undang-undang yang mewujudkan Program Bersepadu Kerajaan untuk mencegah dan merawat psoriasis sebagai masalah kesihatan awam.⁴⁹ Rang undang-undang ini bertujuan untuk memberikan akses yang saksama dan berpatutan kepada ubat-ubatan dan rawatan bagi hampir 2 juta warga Filipina yang menghidap penyakit psoriatik. Program ini menekankan pendekatan bersepadu dan komprehensif bagi pembangunan kesihatan, menumpukan kepada dasar, program dan perkhidmatan yang integratif, berbilang disiplin, pesakit dan berpusatkan keluarga untuk penghidap penyakit psoriatik.⁵⁰

Panama baru-baru ini mengikuti jejak langkah Filipina, dengan kelulusan undang-undang yang mengisytiharkan rawatan perubatan, penyelidikan dan latihan profesional dalam pengesanan awal, diagnosis dan rawatan bersepadu psoriasis sebagai kepentingan negara. Kedua-dua negara ini mengambil inspirasi daripada Program Kebangsaan Jerman tentang Penjagaan Kesihatan Psoriasis 2005–2015, yang menghasilkan peningkatan yang sangat besar dalam hasil pesakit serta menangani jurang serantau.⁵¹

“Sudah tiba masanya [Jabatan Kesihatan] merangkumkan psoriasis dalam program. Cadangan ini merupakan program komprehensif, bersepadu dalam komuniti dan di semua kemudahan penjagaan kesihatan.”


Bekas Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan Hon. Angelina Helen D.L. Tan M.D, yang merupakan penyokong asal rang undang-undang pada tahun 2021



Kos rawatan ialah beban utama bagi penghidap penyakit psoriatik


Pada tahun 2022, tinjauan bersama terhadap penghidap psoriasis di Malaysia, Hong Kong dan Korea mendedahkan kesan beban kewangan yang tinggi untuk rawatan psoriasis.

Cabaran rawatan terbesar di Malaysia




Beban kewangan yang tinggi bagi rawatan

Cabaran rawatan terbesar di Hong Kong




Beban kewangan yang tinggi bagi rawatan


Cabaran rawatan terbesar di Korea




Rawatan yang tidak berkesan




Rawatan yang tidak berkesan




Rawatan yang tidak berkesan




Beban kewangan yang tinggi bagi rawatan



Masa menunggu yang tidak boleh diterima untuk berjumpa penyedia penjagaan kesihatan



Masa menunggu yang tidak boleh diterima untuk berjumpa penyedia penjagaan kesihatan



Kelayakan insurans yang ketat



Permintaan keutamaan komorbiditi

Meningkatkan kesedaran dalam kalangan profesional penjagaan kesihatan

Melatih profesional penjagaan kesihatan untuk mengenali komorbiditi dalam pesakit penyakit psoriatik dan merujuk mereka untuk rawatan apabila perlu.

Menggalakkan pendidikan pesakit dan kesedaran tentang komorbiditi dan faktor risiko komorbiditi

Mendidik pesakit tentang pemeriksaan yang kerap, saringan komorbiditi, kepentingan pengesanan awal dan pengubahsuaian gaya hidup serta strategi pengurangan risiko.

Meningkatkan akses kepada penjagaan

Meningkatkan akses kepada penjagaan, terutamanya di kawasan luar bandar dan kawasan yang kurang mendapat perkhidmatan, dengan menambah bilangan profesional penjagaan kesihatan terlatih, menambah baik kemudahan diagnostik dan rawatan serta menggunakan teknologi digital.

Menggalakkan penjagaan berpusatkan pesakit dan pelbagai disiplin

Menggalakkan pendekatan pelbagai disiplin untuk penjagaan yang merangkumi pesakit dalam keputusan rawatan, yang melibatkan kerjasama antara pakar untuk menangani aspek fizikal dan psikologi penyakit.

Penyakit psoriatik dan komorbiditi

Penghidap penyakit psoriatik mempunyai risiko komorbiditi yang lebih tinggi seperti penyakit kardiovaskular, sindrom metabolik dan kemurungan. Oleh itu, pemeriksaan dan pengurusan awal adalah penting.⁵²⁻⁵⁴ Kadar kematian dan kemasukan ke hospital yang lebih tinggi dikaitkan dengan komorbiditi, dan penghidap penyakit psoriatik mungkin mempunyai beberapa keadaan komorbid, menambah kerumitan pengurusan.⁵² Pemeriksaan awal boleh membantu dalam menangani komorbiditi dengan mengurangkan diagnosis yang terlepas atau salah diagnosis.³⁸ Pengurusan yang sesuai terdiri daripada penjagaan berpusatkan pesakit, komprehensif dan terkoordinasi serta pelan rawatan yang disesuaikan secara individu bertujuan untuk meningkatkan kualiti hidup penghidap penyakit psoriatik.

CABARAN UTAMA

Salah tanggapan, kesedaran dan pengetahuan yang lemah

Penyakit psoriatik bukan sahaja keadaan kulit tetapi merupakan penyakit tidak berjangkit dengan komorbiditi.^{18,38} Kurang kesedaran tentang hubungan ini menghalang penjagaan dan hasil yang baik. Profesional penjagaan kesihatan di Asia memerlukan data dan pengetahuan tentang prevalens, rawatan dan kesan komorbiditi untuk membantu diagnosis dan rawatan kepada penghidap penyakit psoriatik.⁵⁵ Pada masa yang sama, pendidikan dan pemerikasaan pesakit adalah penting untuk mengurangkan kesan komorbiditi, meningkatkan pematuhan rawatan dan mencegah maklumat salah tentang ubat-ubatan dan kemungkinan kesan sampingan.¹⁸

Laluan klinikal yang tidak jelas atau sumber yang terhad bagi diagnosis yang berkesan

The Taiwan Rheumatology Association dan Taiwanese Association for Psoriasis and Skin Immunology mengesyorkan pemantauan komorbiditi dalam pengurusan artritis psoriatik, termasuk pemeriksaan kerap tekanan darah, glukosa darah, kolesterol, berat badan dan faktor risiko lain.¹⁰

Kesan rawatan pada komorbiditi biasa harus dipertimbangkan.¹⁰ Faktor yang mencabar ketersediaan pemeriksaan kesihatan termasuk kekurangan peralatan diagnostik, bekalan dan profesional penjagaan kesihatan yang terlatih dalam mengurus penyakit psoriatik di rantau ini, terutamanya di kawasan terpencil dan luar bandar.⁵⁶ Hasil yang tidak optimum boleh berpunca daripada kekurangan penyelarasan dalam kalangan profesional penjagaan kesihatan.⁵⁹ Infrastruktur yang tidak mencukupi serta kos penjagaan kesihatan dan ubat-ubatan yang tinggi merupakan halangan tambahan bagi individu dan sistem kesihatan.^{46,58,60,61}

PENDEKATAN YANG DISYORKAN UNTUK PENJAGAAN

Selain intervensi doktor yang tepat pada masanya dan peningkatan kesedaran tentang komorbiditi untuk mencegah kerosakan jangka masa panjang kepada kesihatan dan meningkatkan kualiti hidup, dua pendekatan atau model penjagaan memastikan pengurusan penyakit psoriatik dan komorbiditi yang berkesan.^{10,18,52,60,61}

Penjagaan berpusatkan pesakit

Penglibatan pesakit dalam membuat keputusan klinikal adalah penting dalam model penjagaan berpusatkan pesakit, kerana penglibatan ini meningkatkan pematuhan rawatan, kualiti hidup dan kepuasan pesakit.^{18,62,63} Malangnya, profesional penjagaan kesihatan mempunyai pemahaman yang terhad tentang

pendekatan ini, menyebabkan pendekatan kurang digunakan. Penyedia mesti menerima pendidikan dan latihan tentang komunikasi pesakit yang berkesan untuk mempromosikan penjagaan berpusatkan pesakit. Buku kecil maklumat, program pendidikan, aktiviti media sosial, program sokongan psikososial dan perkhidmatan sokongan pesakit boleh meningkatkan pengetahuan dan penglibatan pesakit. Program sokongan pendidikan dalam talian yang berjaya di Korea Selatan, Singapura dan Malaysia telah membawa kepada penglibatan pesakit yang lebih tinggi dalam mengurus psoriasis.¹⁸

Penjagaan pelbagai disiplin, diselaraskan dan berterusan

Penyakit psoriasis ialah keadaan kompleks yang menjejaskan pelbagai sistem organ. Pendekatan berbilang disiplin boleh memenuhi keperluan kesihatan fizikal dan mental, yang membawa kepada pengurusan yang lebih berkesan, kualiti hidup dan hasil kesihatan yang lebih baik bagi penghidap penyakit psoriatik di Asia.

Komorbiditi yang paling biasa dikaitkan dengan penyakit psoriatik termasuk:

Penyakit mata

Penyakit psoriatik dikaitkan dengan peningkatan risiko mengalami penyakit mata seperti uveitis dan konjunktivitis.⁵⁷

Penyakit kardiovaskular


Individu yang menghidap penyakit psoriatik mempunyai risiko yang lebih tinggi untuk mendapat penyakit kardiovaskular, termasuk tekanan darah tinggi, serangan jantung dan strok.^{60,68-72}

Sindrom metabolik

Sindrom metabolik ialah sekumpulan faktor risiko yang meningkatkan risiko mendapat penyakit jantung, strok dan diabetes jenis 2. Penghidap penyakit psoriatik mempunyai prevalens sindrom metabolik yang lebih tinggi.^{60,73-75}

Osteoporosis

Penyakit psoriasis boleh menyebabkan ketumpatan tulang berkurangan dan peningkatan risiko osteoporosis.⁷⁶



Kemurungan dan kebimbangan

Penyakit psoriatik boleh memberikan kesan psikologi yang ketara, yang membawa kepada kemurungan dan kebimbangan.⁷⁷⁻⁸⁰

Kanser

Penghidap psoriasis mempunyai risiko yang tinggi untuk menghidap semua kanser. Risiko ini meningkat dengan keterukan psoriasis.¹²

Penyakit radang usus

Penyakit psoriatik dikaitkan dengan risiko yang lebih tinggi untuk mendapat penyakit radang usus, termasuk penyakit Crohn dan kolitis ulseratif.^{81,82}

Obesiti

Kemungkinan penyakit psoriatik meningkat dengan peningkatan berat badan.^{83,84} Obesiti telah ditentukan dalam beberapa kajian untuk menjadi faktor utama dalam peralihan daripada psoriasis kepada artritis psoriatik.^{85,86}



“Ramai individu yang menghidap penyakit psoriatik mempunyai satu atau lebih komorbiditi. Keadaan ini adalah rumit dan kronik serta boleh memberikan kesan kepada pilihan rawatan untuk psoriasis. Tanpa rawatan dan pengurusan, pesakit berisiko mengalami kerosakan serius pada kesihatan mereka. Pengurusan holistik adalah penting untuk pengesanan awal, diagnosis dan pengurusan komorbiditi ini untuk mengelakkan kemudaratan selanjutnya pada kesihatan.”

Dr Colin Theng
Pakar Dermatologi
dan Presiden
Persatuan Psoriasis
di Singapura

24%
penghidap psoriasis yang dirawat di klinik dermatologi di Malaysia dalam tempoh 10 tahun mengalami obesiti dan, 17% menghidap diabetes.⁸⁷



Permintaan keutamaan kesihatan mental

Penyedia penjagaan kesihatan

Mengenal pasti dan menangani keperluan kesihatan mental dengan menyaring pesakit, memberikan kaunseling, rujukan rawatan psikiatri dan menyepadukan penjagaan kesihatan mental ke dalam pelan rawatan.

Penghidap penyakit ini

Mencari penjagaan kesihatan mental dan sokongan dengan mengambil bahagian dalam kumpulan sokongan, bercakap dengan penyedia penjagaan kesihatan, meneroka pilihan terapi dan menyokong keperluan kesihatan mental mereka sendiri.

Organisasi sokongan

Meningkatkan kesedaran, mengurangkan stigma dan diskriminasi serta menyokong peningkatan akses kepada penjagaan kesihatan mental dan sokongan bagi penghidap penyakit psoriatik.

Kerajaan dan penggubal dasar

Meningkatkan pembiayaan, membangunkan dasar untuk menyokong penjagaan kesihatan mental bersepadu dan melaksanakan kempen pendidikan awam untuk mengurangkan stigma dan meningkatkan kesedaran tentang kesan kesihatan mental penyakit psoriatik.

Stigma dan diskriminasi yang disebabkan oleh kepercayaan palsu tentang penularan juga boleh memburukkan lagi kesan negatif ini

Penyakit psoriatik dan kesihatan mental

